

20 MAR 2000

Mahathir-Nilai/I

YAKIN KEPADA NILAI-NILAI ASIA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Asia tidak harus bergantung semata-mata kepada bantuan luar untuk membangun tetapi sebaliknya harus yakin kepada "Nilai-nilai Asia" sebagai satu sumber kekuatan.

Beliau berkata walaupun terdapat sedikit keraguan mengenai kebaikan nilai-nilai Asia, Asia harus mengambil kesempatan daripadanya di dalam usahanya untuk membangun dan menggiatkan semula rantau itu melalui "cara Asia".

"Apa yang saya maksudkan dengan nilai-nilai Asia ialah ketiadaan sikap individualisme yang keterlaluan, rasa tanggungjawab bagi masyarakat, yakin terhadap hubungan kekeluargaan yang mantap, mengutamakan pendidikan, jimat-cermat, gigih berusaha, kerja berkumpulan untuk negara, satu kontrak sosial di antara rakyat dan negara, moral yang tinggi, akhbar yang bebas tetapi bertanggungjawab, kepercayaan terhadap rakyat sebagai pemegang amanah, dan menghormati alam persekitaran," katanya hari ini.

Sebahagian besar inisiatif itu harus datang dari dalam rantau ini dengan menggunakan kepintaran dan kebijaksanaannya sendiri, sumber-sumber yang ada, kerjasama serantau dan usaha gigih, katanya ketika merasmikan Polmet 2000, Kuala Lumpur, persidangan mengenai Pembangunan Bandar yang Mapan di Alaf Baru, di sini.

Beliau berkata lebih banyak pengetahuan, kepakaran dan keupayaan untuk membuat keputusan yang lebih baik kini boleh diperolehi di Asia, tetapi perlu ada mekanisme yang boleh mengubah apa yang diketahui oleh seseorang individu, kumpulan atau negara bagi membolehkan orang lain menggunakannya.

Yang hadir sama ialah Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Deng. Kira-kira 60 pakar antarabangsa akan berbincang mengenai pelbagai topik mengenai pembangunan bandar pada persidangan tiga hari itu.

Dr Mahathir berkata bentuk teknologi komunikasi yang baru yang boleh diperolehi sekarang membolehkan seseorang untuk mengakses dan menilai pengetahuan saintifik dan teknikal yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah tempatan dan meningkatkan kualiti hidup.

Beliau berkata adalah sangat penting bagi Asia agar pertumbuhan dipulihkan kerana ia mempunyai hubung kait di antara pertumbuhan ekonomi, pengurangan kemiskinan dan keadaan alam persekitaran.

Ketaksamaan di antara kemiskinan dan kekayaan, tahap pembangunan dan penggunaan di antara negara memperlihatkan gambaran yang berbeza apabila dibuat perbandingan di antara negara maju dan negara membangun, katanya.

Dr Mahathir berkata pertambahan tahunan sebanyak 2.6 juta orang kepada jumlah penduduk Amerika Syarikat memberi lebih banyak tekanan kepada sumber-sumber dunia berbanding dengan pertambahan 17 juta penduduk di India setiap tahun.

"Melainkan negara-negara maju memilih gaya hidup yang kurang berintensifkan sumber dan membangunkan teknologi yang kurang mencemarkan, adalah sukar untuk membuat peralihan kepada sebuah ekonomi dunia yang mapan," katanya.

Beliau berkata kajian menunjukkan bahawa dengan menggunakan sumber secara lebih produktif, tahap penggunaan tenaga dan bahan di negara perindustrian mungkin dapat dikurangkan sebanyak empat kali ganda pada dekad yang akan datang dan pada masa yang sama meningkatkan tahap kehidupan.

Perbandingan seterusnya di antara Amerika Syarikat dan India

menunjukkan bahawa walaupun Amerika Syarikat mempunyai lima peratus penduduk dunia berbanding 16 peratus di India, Amerika Syarikat menggunakan kira-kira 25 peratus tenaga dunia berbanding tiga peratus oleh India, mengeluarkan 22 peratus karbon dioksida dunia dan merangkumi 25 peratus KDNK dunia berbanding masing-masing tiga peratus dan satu peratus oleh India.

"Namun begitu, negara membangun seperti India dan negara lain harus terus hidup di dalam sebuah dunia di mana jurang sumber di antara kebanyakan negara maju dan negara perindustrian semakin meluas, dengan negara perindustrian berkuasa di dalam membuat keputusan di beberapa badan antarabangsa yang penting dan telah menggunakan sebahagian besar modal ekologi dunia."

"Ketidaksamaan ini merupakan masalah alam sekitar yang utama bagi dunia; ia juga merupakan masalah pembangunan yang utama," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata perhubungan ekonomi antarabangsa menimbulkan masalah bagi pengurusan alam sekitar di kebanyakan negara membangun, termasuk di Asia di mana negara-negara ini menghadapi tekanan ekonomi yang besar untuk mengeksploitasi sumber alam sekitar mereka.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia menikmati tahap kehidupan yang agak tinggi dan keadaan perumahan yang jauh lebih baik jika dibandingkan dengan kebanyakan negara membangun.

"Objektif utama matlamat perumahan Malaysia ialah untuk memastikan agar setiap rakyat kami, terutama kumpulan yang berpendapatan rendah, mendapat akses kepada rumah yang mencukupi dan mampu untuk dibeli," katanya.

Peruntukan perumahan harus dijadikan jentera untuk mencapai unit penempatan manusia yang boleh dicapai dan dikekalkan yang bukan sahaja menangani keperluan fizikal bagi tempat tinggal tetapi juga keperluan negara bagi integrasi sosial, budaya dan etnik, katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan mengakui bahawa pihak berkuasa tempatan mempunyai peranan yang penting untuk dimainkan di dalam pembangunan dan pelaksanaan dasar bagi pembangunan mapan.

-- BERNAMA

AR AKD